

BAB EMPAT

PENGHJUJUNG PERJUANGAN

Calon Bebas

Setelah keluar dari PAS, beliau mengambil keputusan untuk bertanding sebagai calon bebas dalam pilihan raya 1959. Beliau bertanding di Kota Bharu menentang Dato' Asri (PAS) dan Haji Ali Hussin (Perikatan).¹

Berdirinya Khadijah sebagai calon bebas menentang Dato' Asri bermakna dengan sendiri beliau telah menolak PAS. Khadijah mendakwa beliau bertanding untuk menyedarkan Dato' Asri dan pemimpin-pemimpin PAS yang lain.²

Dalam pilihan raya 1969, Khadijah mendapat 235 undi, Haji Ali Hussin pula mendapat 10, 021 undi. Undi terbanyak diraih oleh Haji Mohd Asri (PAS) dengan mendapat 15, 051 undi.³

Berdasarkan keputusan pilihan raya tersebut, Khadijah kalah teruk dan hilang wang pertaruhannya.⁴ Sememangnya agak sukar bagi Khadijah untuk

¹ *Utusan Melayu*, 15 April 1969.

² *Ibid.*

³ Lampiran G, Pilihan Raya Negeri 1964, *Penyata Pilihan Raya Umum (Parlimen) dan (Dewan Rakyat)*, Kawasan Negeri 1994, Jabatan Cetak Kerajaan,

menang dalam pilihan raya kerana persaingan sengit dengan calon dari PAS dan UMNO-Perikatan.

Kedudukannya sebagai calon bebas tidak dapat menyakinkan pengundi-pengundi. Jika dibandingkan jaminan-jaminan⁵ dari calon parti Perikatan sebagai parti pemerintah pada masa itu dan kemampuan PAS yang telah memerintah Kelantan selama 10 tahun, beliau merasa kemenangan tidak lagi berpihak kepadanya.

Pilihan raya kali ini membuktikan pengaruh PAS masih utuh. Undi PAS terus meningkat sebanyak 16.7 % dari tahun 1964-1969. Perikatan pula mengalami kemerosotan undi sebanyak 5.9%.

PAS telah mencapai kemenangan yang besar dalam pilihan raya ini. Faktor utama kemenangan PAS ialah kerana manifesto PAS itu sendiri yang terus mendokong perjuangan negara Islam seperti yang termaktub dalam

Kuala Lumpur, 1965. Sila rujuk R. K. Vasil, *The Malaysian General Election of 1969*, Oxford University Press, London, 1972, hlm. 76.

⁴ Sri Susayanti Ramlan, "Khadijah binti Mohd Sidek : Aktiviti Politiknya di Indonesia, Singapura dan Tanah Melayu (1930-1960 an)", Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1978, hlm. 95.

⁵ Tun Abdul Razak berjanji akan memberi peruntukan khas untuk rakyat Kelantan. Beliau bercadang untuk mewujudkan tabung pembangunan dan kemajuan khas untuk tempoh 10 tahun akan datang. Tabung khas itu diperuntukkan untuk membantu rakyat Kelantan, beliau juga berjanji untuk membuat projek-projek pembangunan dan mengurangkan kadar pengangguran. Beliau juga ingin membela nasib rakyat Kelantan. Yahaya Ismail, *Bulan Purnama*

berselindung di sebalik nama parti Islam. Menurut mereka lagi, PAS juga tidak memperuntukkan wang yang cukup sebagai persediaan menghadapi pilihan raya kepada pemimpin-pemimpinnya untuk berkempen.⁸

Selain itu, kemenangan tetap berpihak kepada Dato' Asri kerana rakyat Kelantan lebih cenderung memilih calon yang mempunyai latar belakang pendidikan agama.⁹ Di Kelantan, pembawaan PAS terhadap kepimpinan ulama adalah sesuatu yang menyeluruh.

Kemenangan Dato' Asri tepat kerana ketokohan dan kepimpinannya telah ditunjukkan sebagai bekas Naib Presiden PAS selama tiga tahun dari 1961-1964 itu menyakinkan mereka. Tambahan pula, beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Setiausaha Majlis Tertinggi Hizbul Muslimin (1947-1948).

Faktor lain kejayaan calon PAS dalam pilihan raya kali ini juga disebabkan oleh kegagalan Perikatan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan yang dijanjikan. Rakyat Kelantan mendakwa PERIKATAN hanya memilih kawasan-kawasan yang tertentu sahaja untuk dibangunkan.¹⁰

⁷ William R.Roff, *Kelantan: Religion, Society And Politics in a Malay State*, Oxford University Press, London, 1974, hlm .V.

⁸ *Utusan Malaysia*, 25 April 1969.

⁹ Ibrahim Ahmad, *Konflik UMNO-PAS Dalam Isu Islamisasi*, IBS Buku Sdn. Bhd., Selangor, 1989, hlm. 55.

Kawasan-kawasan yang diperintah oleh parti Perikatan sahaja yang menikmati projek-projek pembangunan dan bantuan pertanian. Tetapi pembangunan negeri yang dikuasai oleh parti-parti pembangkang diabaikan. Fenomena ini menyebabkan mereka menganggap Perikatan tidak menuaikan janji.

Agak sukar untuk PERIKATAN menumbangkan PAS. PAS telah lama bertapak kukuh di Kelantan. Rakyat Kelantan menganggap negeri itu sebagai satu benteng budaya dan tradisi politik yang berbeza daripada negeri-negeri lain. Dengan peningkatan undi PAS di negeri Kelantan dan Terengganu sejak tahun 1959-1964 juga menyebabkan pengundi-pengundi di Kelantan lebih yakin dengan parti itu.

PAS semakin berpengaruh dengan peningkatan undi dalam pilihan raya 1964 di Kelantan bagi Parlimen (118,770) dan Dewan Undangan Negeri (DUN) sebanyak (118,498). Peningkatan ini agak baik jika dibandingkan dengan tahun 1959 yang hanya memperoleh (116,087) bagi parlimen dan (114,858) bagi Dewan Undangan Negeri (DUN).

Melihat pengaruh PAS yang semakin menebal di kalangan rakyat, ini turut menyebabkan Khadijah sudah menjangkakan kekalahannya. Sementelah pula, beliau sendiri tidak mempunyai ideologi yang jelas semasa bertanding. Ini kerana

¹⁰ Alias Mohamed, *Sejarah Perjuangan Parti PAS : Satu Dilemma*, Utusan Publications dan Distributors, Kuala Lumpur, 1978, hlm. 57.

semasa berucap, dalam satu majlis rapat umum di Padang Bendera Bachok, Kelantan, beliau telah berkempen supaya rakyat memilih parti Perikatan.¹¹

Antaranya, beliau menyeru kepada rakyat Kelantan supaya memilih PERIKATAN kerana Tun Abdul Razak berjanji akan memberikan RM 500 juta kepada rakyat Kelantan jika partinya menang.¹² Tindakan ini turut mendorong kekalahan beliau dalam pilihan raya tersebut. Pengundi-pengundi juga menganggap beliau merupakan pemimpin yang tidak berpendirian. Beliau juga sering memuji ketokohan dan kewibawaan calon dari Perikatan.

Khadijah sebenarnya sudah dapat merasa kekalahannya dalam pilihan raya itu. Beliau juga yakin seorang calon bebas tidak mampu untuk meraih kemenangan sebagaimana parti Perikatan dan PAS yang berpengaruh.

Tindakan beliau yang menyokong parti Perikatan itu adalah semata-mata untuk menempatkan dirinya semula dalam parti tersebut kerana idea politiknya tidak dapat diteruskan lantaran kekalahannya dalam pilihan raya itu. Langkah ini juga dilihat sebagai satu strategi untuk menarik kepercayaan pemimpin UMNO terhadap dirinya.

¹¹ *Utusan Malaysia*, 7 April 1969. Rujuk Alias Mohamed, *Kelantan: Politik dan Dilemma Pembangunan*, Gateway Publishing House, Kuala Lumpur, 1989, hlm. 39.

¹² Alias Mohamed, *Kelantan: Politik Dan Dilemma Pembangunan*, hlm. 50.

Kembali ke Pangkuan UMNO

Kekalahan Khadijah dalam pilihan raya kali ini mengecewakan beliau. Justeru itu, beliau kembali ke pangkuan UMNO melalui cawangan Kampung Majidee Baru (Johor) pada tahun 1971. Tiga tahun kemudian, beliau dilantik menjadi Naib Ketua Wanita UMNO cawangan Selayang Baru. Perlantikan ini memberi peluang kepadaanya untuk terus bergiat dalam UMNO. Sebagaimana katanya:

Ibu akan terus berjuang dalam UMNO khususnya untuk memajukan Pergerakan wanitanya¹³

Khadijah Sidek kembali ke pangkuan UMNO di bawah kepimpinan Fatimah Hashim sebagai Ketua Kaum Ibu UMNO. Penyertaan Khadijah mengundang pelbagai reaksi daripada ahli-ahli UMNO. Bagi Aishah Ghani, beliau menyambut baik kehadiran Khadijah Sidek dalam UMNO. Menurutnya, itu adalah perkara biasa kerana seseorang itu bebas menyertai mana-mana parti andainya mereka berminat untuk berbuat demikian.

Terdapat ahli UMNO yang curiga dengan penyertaan Khadijah Sidek dalam UMNO. Mereka bimbang Khadijah akan bertindak lebih agresif dalam

¹³ Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI), *Biografi Wanita Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992, hlm. 64. Pergerakan Kaum Ibu UMNO, *Buku Cenderamata Jubli Perak Wanita UMNO Malaysia*, 25 Ogos 1974, hlm. 18.

parti pada masa akan datang.¹⁴ Namun begitu, prasangka itu tidak benar kerana walaupun Khadijah kembali kepada UMNO, namun masanya banyak dihabiskan dalam pertubuhan-pertubuhan sosial dan kemasyarakatan.

Penyertaan ramai wanita muda yang aktif dan berpendidikan tinggi menyertai Kaum Ibu UMNO sebagai pemimpin pelapis pada masa itu juga agak menggalakkan. Keadaan ini menyebabkan Khadijah sendiri merasakan peranannya tidak lagi penting. Sebagaimana katanya:

Gerakan wanita tidak berapa berjalan sekarang. Hanya bila di mesyuarat agong. Kita dapat wakil di seluruh negeri datang. Tetapi pergerakan di cawangan tidak ada. Hanya wakil sahaja. Apa lagi sekarang sudah mulai kembali balik seperti zaman penjajah dahulu di mana isteri-isteri ketua atau bapak pemimpin, yang menjadi Ketua Kaum Ibu. Ramai yang merajuk kerana usaha dan sumbangan Kaum Ibu dahulu tidak dihargai dan dipedulikan. Contoh yang sesuai ialah ibu sendiri di mana boleh disifatkan bahawa ibu ini seperti 'Koran Buruk'¹⁵.

Pada masa yang sama pembentukan kerajaan campuran antara PAS dan Barisan Nasional semenjak 1973¹⁶ sedikit sebanyak mengubah suasana politik tanah air sebelum ini. Tambahan pula pada masa itu pucuk pimpinan Melayu pada masa itu ialah Tun Abdul Razak bin Hussien. Sebagai pemimpin, beliau telah berusaha bersungguh-sungguh menyeru supaya rakyat Malaysia bersatu-padu.

¹⁴ Temuramah penulis dengan Dato'Aishah Ghani di pejabatnya Syarikat Jaya Murni, Kampung Baru, Kuala Lumpur, pada 10 Januari 2002.

¹⁵ Ibu Khadijah Sidek: "Pejuang Nasionalis Wanita", dalam Nadi Insan, Mac 1980, hlm. 11.

Penglibatan Dalam Kegiatan Sosial

Rentak politik tanah air berubah dari debat-debat politik yang panas kepada bibit-bibit persefahaman yang dibincangkan ekoran daripada tercetusnya peristiwa berdarah pada 13 Mei 1969.

Senario ini mendorong beliau untuk menumpukan lebih perhatian kepada kerja-kerja kebajikan dalam PERKIM (Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia) dan FELDA (Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan). Pada 1974, Khadijah bergiat aktif dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh FELDA. Beliau aktif dalam salah sebuah cawangan FELDA di Trolak (Johor). Menurut beliau:

Pekerjaan sebagai Pegawai Settlers FELDA sungguh memberi kepuasan kepada ibu. Walaupun umur ibu sudah agak tua dari pegawai-pegawai lain yang sama-sama bekerja memajukan Settlers FELDA ini, ibu gembira kami sama-sama bekerja untuk memajukan wanita.¹⁶

Khadijah sentiasa menggalakkan wanita-wanita FELDA agar sentiasa melihat peluang ekonomi untuk menambah pendapatan keluarga. Program-

¹⁶ Yahaya Ismail, *Bulan Purnama Gerhana Di Kelantan: Satu Analisis Politik*, hlm. 120.

¹⁷ Sila rujuk Pergerakan Kaum Ibu UMNO, Buku Cenderamata Jubli Perak Wanita UMNO Malaysia, 25 Ogos 1974, hlm. 18. Sidek Jamil, Transkripsi Lisan Ibu Khadijah Sidek, 14 Oktober 1976, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur. Rujuk juga Khairdil bin Su'ut, "Biografi Khadijah Sidek", Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2001/2002, hlm. 97.

program ini disalurkan melalui Gerakan Persatuan Wanita, Persatuan Belia dan Biro Jawatankuasa Kemajuan Rancangan anjuran FELDA.

Usaha-usaha secara Individu juga banyak dilakukan beliau terutamanya dalam bidang perniagaan dan perusahaan kecil. Beliau menggunakan kesempatan ini agar dapat membantu masyarakat FELDA meningkatkan taraf hidup mereka di samping bantuan dari pihak FELDA yang memberi bantuan khidmat nasihat, kepakaran, kemudahan pinjaman, latihan kemahiran dan sebagainya.¹⁸

Khadijah juga menyedarkan wanita-wanita FELDA agar merebut peluang ini dan menyarankan agar mereka menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Walaupun Khadijah tidak dapat mengubah sepenuhnya pandangan mereka, tetapi sedikit sebanyak beliau dapat menyedarkan masyarakat luar bandar agar sentiasa memandang ke hadapan.¹⁹

Ini kerana FELDA banyak menyediakan kemudahan tapak-tapak perniagaan seperti membina kedai untuk kemudahan masyarakat FELDA seperti kedai makan, kedai jahit, perabot dan sebagainya. Khadijah juga menggalakkan mereka supaya melibatkan diri dalam kemahiran seperti pertukangan dan jahitan.

¹⁸ SP 53-Surat-Surat Persendirian Ibu Khadijah Sidek, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

¹⁹ *Ibid.*

Selain itu, Khadijah juga pernah berkhidmat dalam Pertubuhan Kemajuan Islam Malaysia (PERKIM). Beliau membantu usaha-usaha PERKIM sebagai sebuah badan sosial yang menyebarkan ajaran Islam kepada saudara-saudara baru. Mohd Syukor Ali dan Tuan Haji Othman Said mengakui penglibatan aktif Khadijah dalam pertubuhan ini.

Penglibatan aktif beliau menyebabkan Khadijah dilantik sebagai Ahli Jawatan Kuasa Tertinggi PERKIM di Kuala Lumpur semasa Tan Sri Haji Yusof menjadi Yang Dipertua Agong PERKIM. Tidak berapa lama selepas itu beliau dilantik pula menjadi Yang DiPertua Kaum Ibu PERKIM²⁰

Selama Khadijah bergiatan aktif dalam kedua-dua kegiatan sosial ini, beliau telah dilantik untuk memegang jawatan-jawatan penting. Perlantikan ini sebenarnya adalah berdasarkan kepada kepimpinannya yang sentiasa bersungguh-sungguh dan berketrampilan.

Akhir Hayat

Penglibatan aktif dalam pertubuhan-pertubuhan sosial terhalang apabila beliau menghidap Anemia sejak beliau berumur 45 tahun lagi.²¹ Beliau semakin

²⁰ Menurut keterangan Tuan Haji Othman Said (Pegawai Perhubungan PERKIM cawangan Kuala Lumpur) dan Mohamed Syukor Ali (Pegawai PERKIM yang telah berkhidmat sejak 1972. Temuramah pada 17 April 2002.

kurang terlibat dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan ini. Penyakit yang dihidapnya menyukarkan beliau untuk bergerak aktif.

Beliau menggunakan kerusi roda untuk bergerak. Selepas itu, kakinya pula lumpuh. Keadaan ini menghalangnya untuk bebas bergerak seperti dahulu. Namun begitu, beliau sering dikunjungi oleh tokoh-tokoh politik yang seangkatan dengan beliau, terutamanya Hajah Aishah Ghani dan Fatimah Hashim.

Khadijah juga bukanlah pemimpin yang materialistik. Beliau pernah dihadiahkan oleh UMNO sebidang tanah di Kampung Dato' Keramat. Tetapi, beliau menolaknya dan menegaskan bahawa tujuannya berpolitik bukan untuk mengumpul harta. Beliau mengambil keputusan untuk tinggal di rumah sewa anak-anaknya di Selayang Baru.²²

Keadaan beliau mendapat perhatian daripada Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita (NCWO). Untuk mengurangkan masalahnya, Presiden NCWO iaitu Tan Sri Fatimah Hashim telah menghadiahkan sebuah kerusi roda kepada beliau.

²¹ Wan Hashim Wan Teh (ed.), *Khadijah Sidek Puteri Kesateria Bangsa*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1999, hlm. 54.

²² Keterangan Dato' Aishah Ghani dalam temubual bersama beliau pada 10 Januari 2002 di Syarikat Jaya Murni, Kampung Baru, Kuala Lumpur.

Selaku Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia, Datin Paduka Hajah Aishah Ghani juga membuat kutipan derma sebagai bantuan bagi mengenang jasa Khadijah Sidek sewaktu berkhidmat dalam Kaum Ibu UMNO dahulu. Hasil kutipan derma tersebut, yang berjumlah RM 6 092 telah diberikan kepada Khadijah pada 15 ogos 1978.²³

Aishah Ghani dalam memoirnya mengungkapkan Khadijah sebagai pemimpin yang mempunyai semangat perjuangan yang gigih. Khadijah bercita-cita tinggi dan ingin mendapat kedudukan yang sama dengan pemimpin-pemimpin UMNO yang lain. Namun sikap beliau yang kurang sabar dan sukar menerima pendapat orang lain menyebabkan beliau tidak begitu disukai.

Sementara itu, Zabidah Ali juga mengakui Khadijah adalah seorang pemimpin wanita yang agresif dalam setiap tindakannya sehingga Dewan Muslimat PAS tidak dapat mengikuti agenda-agenda politiknya.²⁴

Sepanjang hayatnya, Khadijah merupakan seorang ibu yang pengasih serta seorang nenek yang penyayang. Kasih dan sayangnya bukan sahaja terhad kepada anak dan cucunya sendiri, bahkan kepada anak-anak sahabat handai serta jiran tetangganya.

²³ *Ibid.*

²⁴ Keterangan daripada Ustazah Zabidah Ali, bekas Ketua Muslimat PAS dalam temubual bersama beliau pada 5 Januari 2002 di rumahnya di Sungai Udang, Klang, Selangor.

Kasih sayang ini bagi beliau adalah sebagai penyambung warisan perjuangan bangsa dan mesti dipupuk dengan kasih sayang. Semua ini dilakukan adalah kerana sayangkan anak bangsa dan negaranya.²⁵

Sewaktu kawan-kawannya menikmati pelbagai kemudahan sosial dan ekonomi serta mendapat penghormatan daripada hasil perjuangan politik mereka. Khadijah meninggal dunia di sebuah bilik kecil di kediamannya di sisi anak-anaknya. Kembalinya Khadijah Sidek ke rahmatullah pada 1982,²⁶ hilanglah tokoh politik wanita yang pernah berjasa kepada negara.

Walaupun Khadijah merupakan pemimpin yang dikenali pada era 1950-an, namun beliau kurang dikenali lagi di kalangan generasi muda hari ini. Kita sememangnya mengakui peranan dan ketokohan beliau sebagai pejuang kemerdekaan Indonesia, Tanah Melayu dan lebih-lebih lagi sebagai seorang tokoh gerakan sosiopolitik wanita Melayu tanah air. Al fatihah.

²⁵ Wan Hashim Wan Teh, *Memoir Khadijah Sidek, Puteri Kesatria Bangsa*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1995, hlm. 28.

²⁶ *Ibid.*